

BERITA HARIAN

DATE: 25 / 9 / 2010



IZHARI ARIFFIN | BERITA HARIAN

TUANKU Ampuan Najihah menyampaikan Ijazah Doktor Falsafah (Kehormat) Ekonomi dan Pentadbiran Muamalat kepada Dr Mahathir pada Majlis Konvokesyen Khas USIM di PICC, semalam.

'Jangan jadi hamba idea, fahaman Barat'

BH - 25/09/2010

Umat Islam perlu berubah: Dr Mahathir

Oleh Azrina Ahzan
edisingguan@bharian.com.my

PUTRAJAYA: Umat Islam perlu berubah menjadi peneroka atau penjana ilmu, teknologi serta penyelesaian alternatif masalah dunia dan bukannya diperhambakan oleh idea serta fahaman Barat yang tidak mengasaskan teori mereka kepada agama.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata tanpa disedari, pengantungan itu menyebabkan dunia berdepan krisis moral, sosial, politik dan ekonomi kerana terlalu terikat dengan matlamat dan falsafah yang dicanangkan Barat.

"Sebagai khalifah yang diberi amanah memakmurkan alam, umat Islam seharusnya berperanan sebagai peneroka ilmu atau penyumbang idea dan tidak lagi sekadar

menjadi penggunaannya.

"Justeru, umat Islam memerlukan lebih ramai pemikir dan pencetus idea yang dapat memberi keyakinan dan penyelesaian alternatif terbaik kepada pelbagai masalah serta krisis dunia. Di sinilah letaknya peranan universiti iaitu bagi melahirkan pakar dalam pelbagai bidang yang diperlukan dan

“Sebagai khalifah yang diberi amanah memakmurkan alam, umat Islam seharusnya berperanan sebagai peneroka ilmu atau penyumbang idea ”

Dr Mahathir Mohamad

Bekas Perdana Menteri

berasaskan inspirasi keagungan agama Islam," katanya berucap pada majlis Konvokesyen Khas Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), di sini, semalam.

Pada majlis itu, Dr Mahathir turut dianugerahkan Ijazah Doktor Falsafah (Kehormat) Ekonomi dan Pentadbiran Muamalat bagi mengiktiraf sumbangan beliau terhadap perkembangan ekonomi Islam serta perannya mengangkat sistem kewangan Islam di persada antarabangsa.

Anugerah disampaikan Canselor USIM, Tuanku Ampuan Najihah Tunku Besar Burhanuddin. Hadir sama, Pengerusi Lembaga Pengarah USIM, Tan Sri Dr Mohamad Yusof Md Nor dan Naib Canselor USIM, Prof Datuk Dr Muhammad Muda.